

1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Mei
2010
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

OTI 1 2010 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman 10.*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tuliskan nama dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan di halaman 10.*
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 10 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Disediakan Oleh:

AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel.: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN A
(40 MARKAH)

Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D. Hitamkan** jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.

- 1 Pernyataan yang benar mengenai kufur ialah
 - A berpaling daripada Islam
 - B berpura-pura melahirkan keimanan tetapi hati tetap kufur
 - C menolak ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW
 - D menyamakan Allah SWT dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan

- 2 Kesan kufur terhadap individu ialah
 - A masuk neraka
 - B melemahkan iman
 - C memutuskan silatullahim
 - D menghalang kemajuan umat

- 3

Menceritakan keburukan seseorang di masa ketiadaannya serta boleh menimbulkan kemarahan apabila dilakukan di hadapannya.
--

Pernyataan di atas merujuk kepada

 - A menipu
 - B menfitnah
 - C mengumpat
 - D mengadu domba

- 4 Antara hikmah hukuman potong tangan ke atas kesalahan mencuri ialah
 - A memelihara harta benda
 - B menghindarkan pergaduhan
 - C masyarakat dalam keadaan aman
 - D menjadi pengajaran kepada orang ramai

- 5 Berikut adalah iktikad Syiah Zaidiah
 - I mengharuskan perkahwinan Mut'ah
 - II menghalalkan kemungkaran seperti minum arak
 - III perbuatan manusia dilakukan oleh manusia sendiri
 - IV pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 6 Antara berikut yang manakah perkara wajib umrah ?
- A Meninggalkan larangan ihram
 - B Bermalam di Muzdalifah
 - C Melontar di jamrah
 - D Bermalam di Mina
- 7 Ibadat bermalam di Muzdalifah bermula selepas
- A terbit fajar 10 Zulhijjah
 - B separuh malam 10 Zulhijjah
 - C gelincir matahari 10 Zulhijjah
 - D terbenam matahari 10 Zulhijjah
- 8 Antara berikut manakah jenis-jenis dam ?
- I Tertib takdil
 - II Tertib takhyir
 - III Takhyir takdil
 - IV Takhyir tertib
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV
- 9 Suami mengambil kembali isteri yang telah diceraikan dalam tempoh idah talak satu atau talak dua.
- Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian
- A lian
 - B rujuk
 - C fasakh
 - D khuluk
- 10 Antara berikut manakah benar mengenai haji ifrad ?
- A Haji dan umrah dilakukan secara berasingan dan tidak dikenakan dam
 - B Haji dan umrah dilakukan secara berasingan dan dikenakan dam
 - C Haji dan umrah dilakukan serentak dan tidak dikenakan dam
 - D Haji dan umrah dilakukan serentak dan dikenakan dam
- 11 Perceraian antara suami isteri yang disandarkan kepada sesuatu syarat ialah talak
- A rajie
 - B taklik
 - C fasakh
 - D khuluk

12 Encik Hasnan menceraikan isterinya yang dalam keadaan haid dengan talak satu.

Situasi di atas merujuk kepada talak

- A Sunni
- B Bain
- C Raji
- D Bidi

13 Membenarkan para sahabat meninggalkan kota Madinah.

Pernyataan di atas adalah polisi khalifah

- A Abu Bakar al-Siddiq radiallahuanhu
- B Umar bin al-Khattab radiallahuanhu
- C Uthman bin Affan radiallahuanhu
- D Ali bin Abi Talib radiallahuanhu

Wilayah Islam berkembang ke Afrika Utara, Kawasan Timur seperti Turkistan dan beberapa kawasan di India.

14 Pernyataan di atas ialah kawasan yang dapat ditakluki oleh tentera Islam pada zaman khalifah

- A Abu Bakar al-Siddiq radiallahuanhu
- B Umar bin al-Khattab radiallahuanhu
- C Uthman bin Affan radiallahuanhu
- D Ali bin Abi Talib radiallahuanhu

15 Peranan institusi kewangan zaman kerajaan bani Abbasiah di Baghdad

- Menguruskan sumber-sumber pendapatan negara
- Mengawal belanjawan negara

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Baitul Mal
- B Baitul Hikmah
- C Diwan al-Kharaj
- D Diwan an-Nafaqah

16 ♦ Khalifah paling warak dan terkenal
♦ Khalifah kelima kerajaan bani Abbasiah


Pernyataan di atas berkaitan dengan khalifah

- A Al-Makmun
- B Al-Mutawakkil
- C Harun al-Rashid
- D Abu Jaafar al-Mansur

17 Berikut manakah yang benar mengenai ketenteraan pada zaman bani Umaiyah ?

- A Perlantikan panglima tentera tidak dikhususkan kepada bangsa Arab
- B Jenis tentera yang ada ialah tentera darat dan laut
- C Cara pemilihan tentera hanya secara sukarela
- D Latihan ketenteraan adalah secara umum

18



P dalam rajah di atas ialah kitab-kitab yang dihasilkan oleh

- A Imam al-Syafie rahimahullah
- B Imam al-Ghazali rahimahullah
- C Imam al-Bukhari rahimahullah
- D Imam Abu Hanifah rahimahullah

19

Hujjatul Islam adalah gelaran kepada Imam al-Ghazali rahimahullah.

Kenapakah beliau diberi gelaran tersebut ?

- A Kecerdikan dalam ilmu usuluddin
- B Keadilannya dalam mengadili orang yang salah
- C Kemasyhuran dan kekuatannya dalam membela Islam
- D Keturunannya bersambung dengan keluarga Rasulullah SAW

20

Memakai emas, sutera tulen adalah haram bagi lelaki.


Mengapakah amalan ini diharamkan ?

- A Mendatangkan fitnah
- B Menyerupai perbuatan orang kafir
- C Melambangkan kemewahan seseorang.
- D Membezakan pakaian lelaki dan perempuan

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

- 21 Pembedahan plastik untuk mengembalikan fungsi anggota badan hukumnya
- 22 Kita hendaklah melantik ketua apabila bermusafir dalam kumpulan yang terdiri daripada orang atau lebih
- 23 ialah gelaran kepada orang yang tidak beragama.
- 24 Orang yang melakukan *amar makruf nahi mungkar* disebut




- 25 Q dalam rajah di atas ialah
- 26 R dalam rajah di atas ialah

- Perdana Menteri Bougie
- Ketua Hakim Mesir
- Duta Granada

- 27 Tokoh negarawan yang pernah menjawat jawatan di atas adalah merujuk kepada
- 28 Pertukaran barang dengan barang mengikut cara tertentu ialah pengertian bagi
- 29 Seorang isteri yang telah mengikuti satu lawatan ke Kuala Lumpur tanpa keizinan suaminya telah melakukan perbuatan
- 30 Dalam tempoh pertunangan, hubungan antara lelaki dan perempuan dikira sebagai
- 31 Qabul ialah ucapan yang dilafazkan oleh bakal suami atau wakilnya semasa majlis akad nikah.
- 32 Hukum mandi menjadi wajib ketika hendak menyucikan diri daripada

33



U dalam rajah di atas ialah

34

- Membangkitkan semangat menentang penjajahan
- Penyelewengan agama dapat diperbetulkan
- Masyarakat Islam bertambah maju dalam bidang pendidikan

Pernyataan di atas merujuk kepada kesan pemikiran terhadap masyarakat Islam.

35

Perasaan cinta kepada negara boleh dipupuk dengan meningkatkan semangat di dalam diri setiap rakyat Malaysia.

36

Kawasan tertentu yang didiami oleh masyarakat tertentu dan diperintah oleh sesebuah kerajaan dinamakan

37

..... ialah hubungan jenis antara lelaki dan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah.

38

..... ialah melemparkan tuduhan kepada seseorang tanpa bukti.

39

Encik Ibrahim telah bernazar untuk mengorbankan seekor kambing kerana anaknya mendapat 5A dalam ujian UPSR. Hukum berkorban bagi beliau adalah

40

Hikmat ibadat korban adalah untuk mengingati peristiwa pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi terhadap anaknya.

Atit

BAHAGIAN B
(60 MARKAH)

Jawab tiga soalan: Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikut.

- 1 (a) Membunuh diri adalah dosa besar
- (i) Nyatakan maksud membunuh diri. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan dua punca yang mendorong seseorang bertindak sedemikian. [4 markah]
 - (iii) Terangkan dua cara untuk mengelak berlakunya perbuatan tersebut. [4 markah]
- (b) Syiah Imamiah ialah antara fahaman Syiah yang masih kekal hingga ke hari ini.
- (i) Mengapakah kumpulan ini dinamakan Syiah Imamiah ? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan dua prinsip Syiah Imamiah yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan maksud istilah-istilah berikut:
 - a. Munafik
 - b. Fasik [4 markah]
- 2 (a) Tawaf adalah salah satu rukun dalam ibadat haji
- (i) Namakan dua jenis tawaf. [2 markah]
 - (ii) Nyatakan empat syarat sah tawaf. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan dua hikmah tawaf terhadap individu. [4 markah]
- (b) Perkahwinan dalam Islam mempunyai peraturan tertentu.
- (i) Nyatakan dua daripada rukun nikah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan dua hikmah Islam menekankan aspek agama dalam pemilihan calon isteri. [4 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut.
- (i) Encik Hamzah mewakilkan rakannya Encik Kamal untuk menerima akad nikah bagi dirinya kerana beliau berada di luar negara. [2 markah]
 - (ii) Encik Malik telah menjual keretanya yang telah hilang kepada kawannya Encik Aslam. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 3 (a) Islam telah menyediakan garis panduan dalam berhias diri
- (i) Nyatakan **empat** amalan berhias diri yang dilarang. [4 markah]
Berpakaian menutup aurat merupakan satu tuntutan agama
- (ii) Terangkan **dua** ciri berpakaian menutup aurat. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** buah negeri yang berjaya ditakluki oleh tentera Islam pada zaman pemerintahan khulafa al Rasyidin. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** contoh kegemilangan pemerintahan Umar bin Abdul Aziz. [4 markah]
- (c) Imam al-Ghazali rahimahullah merupakan seorang tokoh pemikir Islam yang tersohor
- (i) Nyatakan hasil karya beliau. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh dicontohi oleh pelajar. [4 markah]
- 4 (a)
- | |
|--|
| Adab-Adab Bermusafir |
| ◆ Membaca doa bermusafir |
| ◆ Melakukan solat secara jamak dan qasar |
| ◆ Tidak membuang sampah di merata tempat |
- (i) Terangkan **dua** kebaikan melakukan adab-adab bermusafir di atas. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **empat** adab bermusafir selain daripada yang dinyatakan di atas. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan usaha yang dilakukan oleh khalifah kerajaan Abbasiyah untuk memajukan sektor pertanian. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor penyebaran Islam pada zaman Abbasiyah. [4 markah]
- (c) Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh sejarawan yang ulung
- (i) Nyatakan riwayat hidup beliau. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan sumbangan Ibnu Khaldun kepada tamadun manusia. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah

SULIT

[ditambah 2]

[ditambah 3]

[ditambah 4]

[ditambah 5]

[ditambah 6]

[ditambah 7]

[ditambah 8]

[ditambah 9]

[ditambah 10]

[ditambah 11]

[ditambah 12]

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

					-						
--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ARAHAN: Hitamkan jawapan yang betul **NAMA :**

Tingkatan :

1	A	B	C	D		21	
2	A	B	C	D		22	
3	A	B	C	D		23	
4	A	B	C	D		24	
5	A	B	C	D		25	
6	A	B	C	D		26	
7	A	B	C	D		27	
8	A	B	C	D		28	
9	A	B	C	D		29	
10	A	B	C	D		30	
11	A	B	C	D		31	
12	A	B	C	D		32	
13	A	B	C	D		33	
14	A	B	C	D		34	
15	A	B	C	D		35	
16	A	B	C	D		36	
17	A	B	C	D		37	
18	A	B	C	D		38	
19	A	B	C	D		39	
20	A	B	C	D		40	

	Markah Objektif	Markah ITK	Jumlah A
Soalan 1			
Soalan 2			
Soalan 3			
Soalan 4			
JUMLAH BESAR			

